

Varia



Oleh  
**PROF. DR. MOHAMAD  
FAZLI SABRI**

**L**EBIH kurang seminggu lagi negara kita akan menyambut hari kemerdekaan yang ke-63. Jika diimbau dari segi sejarah, detik 31 Ogos 1957 merupakan tarikh keramat kerana negara telah bebas daripada cengkaman penjajah dan memungkinkan kita membentuk negara bangsa sendiri.

Merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan fizikal semata-mata kerana perkembangan teknologi semasa memudahkan ancaman penjajahan bentuk baharu dari segi budaya dan pemikiran.

Pengertian kemerdekaan perlu dilihat daripada pelbagai konteks dan aspek termasuk soal politik, sosial, ekonomi dan pengurusan kewangan peribadi.

Dalam konteks pengurusan kewangan, ancaman atau belenggu hutang merupakan salah satu bentuk penjajahan baharu kepada rakyat.

Ini dapat dilihat berdasarkan kepada statistik yang dilaporkan oleh pelbagai agensi di negara ini.

Laporan Kestabilan Kewangan Domestik separuh pertama tahun 2019 oleh Bank Negara menunjukkan bahawa tahap hutang isi rumah secara keseluruhan kekal tinggi pada 82.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pinjaman untuk pembelian harta kediaman kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan hutang tersebut.

### Hutang tinggi

Selain itu, data daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyatakan bahawa sejak penubuhannya pada tahun 2006 hingga 30 Jun lalu, seramai 1,083,970 individu telah menghadiri sesi perkhidmatan kaunseling.

Daripada jumlah itu, 322,495 peserta telah memohon untuk menyertai program pengurusan kredit.

Dalam pada itu, kajian daripada Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) yang dilakukan pada tahun 2019 mendapati, satu pertiga daripada responden memiliki hutang yang lebih tinggi berbanding aset.

Senario di atas memberi signal bahawa jika aspek pengurusan hutang atau pinjaman tidak diuruskan secara baik, ia akan membawa kepada masalah keberhutangan yang serius.

Akhirnya ini boleh menyebabkan seseorang itu diisytiharkan bangkrap atau mufliis.

Kebankrapan adalah satu proses yang mana seorang penghutang itu diisytiharkan sebagai bankrap.

Ia lanjutan daripada suatu perintah penghukuman yang dibuat di Mahkamah Tinggi terhadapnya atas kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya berjumlah RM50,000.

Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia, sehingga Mei lalu sahaja,



**PENGURUSAN** kewangan yang baik termasuk memerdekakan diri daripada hutang yang tidak perlu dalam hidup. – GAMBAR HIASAN

# Merdekakan hidup kita daripada belenggu hutang

terdapat seramai 2,591 individu telah diisytiharkan mufliis.

Dalam hal ini, tiga sebab utama yang menyumbang kepada kebangkrutan adalah pinjaman peribadi iaitu sebanyak 33.76 peratus, sewa beli kenderaan (20.17 peratus) dan pinjaman perumahan (12.1 peratus).

Mungkin ramai antara kita tidak menyedari akan sekatan terhadap mereka yang telah diisytiharkan mufliis.

Antara sekatan tersebut adalah mereka tidak dibenarkan keluar negara tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Insolvensi.

Mereka juga tidak dibenarkan membelanjakan lebih daripada RM1,000 menggunakan kad kredit, semua akaun simpanan ditutup dan segala transaksi disekat.

Individu yang bangkrap turut tidak dibenarkan bekerja dalam profesion tertentu, tidak boleh memindah milik hartanya kepada pihak ketiga.

Selain itu, mereka juga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan pemilikan tunggal.

Bukan mudah menjalani kehidupan sebagai seorang yang bangkrap kerana selain berhadapan dengan pelbagai sekatan, mereka juga tidak dapat lari daripada stigma masyarakat yang memandang rendah kepada golongan berkenaan.

Justeru, sempena bulan kemerdekaan ini, marilah kita sama-sama berazam untuk membebaskan diri dan keluarga daripada belenggu hutang.

Hutang atau pinjaman sebenarnya adalah satu bentuk fasiliti yang disediakan oleh institusi kewangan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna yang tidak mampu dimiliki secara tunai.

### Bijak urus hutang

Malahan dalam ajaran Islam sendiri membenarkan umatnya untuk berhutang jika bertujuan memenuhi keperluan hidup yang tidak dapat dielak mengikut kehendak syariat.

Umumnya, hutang terbahagi kepada dua bentuk iaitu hutang produktif dan tidak produktif.

Pelaburan pendidikan, pelaburan saham dan membeli hartanah adalah antara contoh hutang produktif yang mana biasanya nilai aset tersebut akan meningkat dan dapat meningkatkan kualiti hidup.

Manakala hutang tidak produktif pula merujuk kepada pinjaman untuk melabur dan membeli aset yang mana nilainya mengalami penurunan.

Sebagai contoh, pembelian kelengkapan perabot, kenderaan atau melabur dalam perniagaan tidak patuh syariah.

Dalam ini, hutang perlu diurus secara bijak agar tidak membebaskan diri dan keluarga serta dapat menghindar diri daripada menjadi mufliis.

Langkah berikut boleh dijadikan sebagai panduan untuk membebaskan diri anda dari cengkaman hutang.

Pertama, anda perlu melengkapkan

diri dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan, terutamanya berkaitan aspek pengurusan hutang atau pinjaman.

Kedua, sediakan senarai hutang yang lengkap dan terkini termasuk baki, tempoh dan kadar faedah pinjaman.

Seterusnya, dapatkan laporan kredit seperti Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) atau Laporan Kredit Peribadi (CTOS) untuk melihat sekiranya terdapat sebarang tunggakan.

Kemudian, pastikan bayaran ansuran bulanan pinjaman tidak melebihi 30 peratus daripada pendapatan.

Aliran tunai perlu dianalisis untuk membantu mengenal pasti mana-mana perbelanjaan yang boleh dikurangkan.

Selain itu, perlu juga kenal pasti bagaimana pendapatan dapat ditingkatkan seperti melakukan kerja sampingan.

Pilih strategi yang sesuai dengan kemampuan diri dan keluarga untuk penyelesaian hutang.

Sekiranya berada dalam masalah keberhutangan serius, dinasihatkan mendapat khidmat perundingan agensi seperti AKPK dan pakar perancangan atau penasihat kewangan bertauliah.

Selamat menyambut Hari Kemerdekaan. Semoga kita bebas daripada penjajahan hutang lama dan baharu.

**PROF. DR. MOHAMAD FAZLI SABRI** ialah Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, UPM dan Naib Presiden Majlis Perancangan Kewangan Malaysia